

# Keputusan kenaikan kadar tol tidak lama lagi

KUALA LUMPUR 6 Dis. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Kabinet hari ini telah membincangkan cadangan menaikkan kadar tol bagi lima lebuhraya yang dijangka berkuat kuasa mulai 1 Januari tahun depan.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, keputusan muktamad kenaikan itu masih belum dibuat kerana ada beberapa perkara perlu diperhalusi.

Beliau berkata, penelitian itu tidak akan mengambil masa yang lama sebelum kadar baru diputuskan.

"Kenaikan kadar tol bagi lima lebuhraya

memang dibincang (oleh Kabinet) dan ada beberapa perkara yang perlu dihalusi sedikit pada waktu ini untuk kita membuat keputusan yang muktamad.

"Tak payah (tunggu sehingga tahun depan untuk membuat keputusan), tak payah lama, tak perlu tunggu begitu lama," katanya.

Abdullah berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan pameran Bio Malaysia 2006 di sini, hari ini.

Perdana Menteri ditanya mengenai perancangan kerajaan menaikkan kadar tol ekoran ketidakmampuan kerajaan menanggung bayaran pampasan tinggi kepada syarikat-syarikat konsesi lebuhraya tersebut.

Lima lebuhraya itu ialah Guthrie Corridor Expressway, Lebuhraya Karak, Lebuhraya Grand Saga Cheras, Lebuhraya Cheras-Kajang dan Lebuhraya Kesas Shah Alam.

Pada 28 November lalu, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu mengumumkan kadar tol bagi lima lebuhraya itu akan dinaikkan mulai 1 Januari 2007.

Difahamkan, kerajaan perlu membayar sebanyak RM2 bilion kepada syarikat-syarikat konsesi itu jika tiada kenaikan tol diluluskan pada 1 Januari ini.

